

Um - 25/3/2004, m/s: 4

Mahathir akan dilantik Canselor Universiti Teknologi Petronas

IPOH 24 Mac — Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamed akan dilantik sebagai Canselor Universiti Teknologi Petronas (UTP) Ke-2 dalam satu majlis konvokesyen khas pada 1 April ini.

Pengurus Perkhidmatan Korporat UTP, Mohamad Zahir Abdul Khalid berkata, pelantikan tersebut bagi me-

nggantikan Canselor Pertama UTP sebelum ini iaitu Almarhum Raja Tun Mohar Raja Badiozaman.

“Pada majlis yang sama, Dr. Mahathir akan dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Kejuruteraan dan Teknologi oleh UTP,” katanya dalam satu kenyataan ringkas yang dikeluarkan di sini hari ini.

Mohamad Zahir memberitahu, penganugerahan tersebut sebagai menghargai pencapaian dan sumbangan beliau dalam memajukan bidang kejuruteraan serta teknologi di negara ini.

“Dr. Mahathir menerima pelantikan sebagai Canselor UTP yang baru dan juga penganugerahan ijazah kehormat itu,” katanya.